

## **Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga, Elemen Stereotaip Dan Prejudis Serta Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain**

*Ethnic Socialization In The Family, Elements Of Stereotype, Prejudice And Social Relationship With Other Ethnic Among The Students*

Aqilah Ahmad  
<sup>1</sup>Azlina Abdullah

Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence <sup>1</sup>azlina\_ab@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Sosialisasi etnik merupakan proses yang penting bagi memastikan individu mempunyai pemahaman yang jelas terhadap latar belakang etnik dan dirinya yang mempunyai nilai, norma, kepercayaan dan tradisi yang tersendiri. Sosialisasi etnik yang positif samada mengenai etnik sendiri atau etnik lain akan membantu individu menjalinkan hubungan sosial yang baik dengan individu yang lain. Objektif kajian adalah untuk meneroka pengalaman sosialisasi etnik dalam keluarga mahasiswa, mengenal pasti elemen stereotaip dan prejudis dalam kalangan mahasiswa serta, menganalisis hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain. Kajian ini telah dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dengan mengedarkan soal selidik secara atas talian terhadap 125 responden yang merupakan mahasiswa prasiswazah Tahun 1, Universiti Kebangsaan Malaysia. Sampel kajian dipilih menggunakan pensampelan bertujuan. Kemudian, data yang diperoleh dianalisis secara statistik deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan tahap sosialisasi etnik dalam keluarga mahasiswa mengenai etnik sendiri berada di tahap yang baik. Manakala, bagi pengalaman sosialisasi mengenai etnik lain pula berada di tahap yang sederhana. Elemen stereotaip dan prejudis dalam kalangan mahasiswa pula menunjukkan berada di tahap yang rendah. Manakala, hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain pula berada di tahap yang baik. Kajian telah menunjukkan agen sosialisasi keluarga memainkan peranan penting dalam proses sosialisasi etnik. Sosialisasi etnik yang jelas oleh keluarga akan membantu individu untuk memahami etniknya sendiri secara menyeluruh. Proses sosialisasi dan hubungan sosial antara individu perlu diteruskan dalam konteks kajian kerana kekangan untuk berinteraksi secara bersemuka pada masa sekarang disebabkan oleh pandemik, mungkin akan memberikan kesan kepada generasi baharu.*

**Kata Kunci:** *Sosialisasi, Sosialisasi Etnik, Stereotaip, Prejudis, Hubungan Sosial*

## ABSTRACT

*Ethnic socialization is an important process to ensure that individuals will have a clear understanding of their background which has its own values, norms, beliefs and traditions according to their own ethnic group. Positive ethnic socialization whether regarding one's own ethnicity or others, it will assist individuals to establish a positive social relationship. The objective of this research was to explore the experience of ethnic socialization in the student's families, to identify elements of stereotypes and prejudices among students and to analyze student's social relationship with other ethnics. This study used quantitative method and carried out by distributing an online questionnaire to 125 Universiti Kebangsaan Malaysia undergraduate 1<sup>st</sup> Year students that selected using purposive sampling. Also, descriptive statistic are used to analyze the data gained in this research. The results of the research have shown that the level of ethnic socialization about their own ethnic in student's families is at a high and good level. Meanwhile, the socialization about the other ethnic is at a moderate level. The findings also showed low levels of the elements of stereotypes and prejudice among the students. Meanwhile, the students' social relationship with other ethnics are at a good level. Research have shown that family socialization agents play a vital role in the process of ethnic socialization. A clear ethnic socialization by the family will help the individual to understand one's own ethnicity as a whole. Because of the current constraints to interact face-to-face due to pandemics, the process of socialization and social relations between individuals should be continued in the context of the study.*

**Keywords:** *Socialization, Ethnic Socialization, Stereotype, Prejudice, Social Relations*

## 1. Pengenalan

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, pada suku tahun pertama 2021 jumlah rakyat Malaysia adalah sebanyak 32.75 juta yang telah meningkat sebanyak 0.4% daripada tahun sebelumnya. Kumpulan etnik yang tertinggi di negara ini adalah etnik bumiputera yang terdiri daripada etnik Melayu, Orang Asli, etnik Sabah dan juga Sarawak iaitu 20.9 juta orang. Kedua tertinggi pula ialah etnik Cina iaitu 6.7 juta orang, diikuti etnik India sebanyak 2.0 juta dan akhir sekali adalah 0.3 juta yang mewakili etnik lain-lain. Kepelbagaian kaum, budaya dan agama dalam kalangan rakyat Malaysia merupakan salah satu elemen yang unik apabila membincangkan tentang Malaysia. Keamanan dan keharmonian yang masih berlaku dalam kehidupan seharian di Malaysia meskipun rakyatnya berbilang kaum perlu dibanggakan. Oleh itu, apabila membincangkan tentang penerapan nilai perpaduan antara etnik dalam diri, keluarga merupakan konteks utama yang perlu ditekankan lebih-lebih lagi dalam proses sosialisasi etnik. Keluarga yang didefinisikan sebagai ikatan yang terjalin hasil daripada perkahwinan, talian darah serta penjagaan (Ferrante 2011) merupakan agen utama sosialisasi dalam proses pembesaran anak-anak. Sebagai contoh, ahli keluarga yang terlibat dalam proses sosialisasi ialah ibu, bapa, atuk dan juga nenek. Proses sosialisasi merupakan satu proses dimana individu mewarisi, mempelajari dan memindahkan hasil pembelajaran mereka daripada agen sosialisasi. Cara didikan dan budaya yang diamalkan oleh keluarga memainkan peranan yang penting kerana ia mempengaruhi proses pembesaran anak-anak mereka.

Menurut Parke dan Buriel (1998), ibu bapa merupakan agen penting di dalam kehidupan anak-anak untuk membantu mereka mempelajari nilai dan norma yang wujud di dalam masyarakat supaya mereka lebih bersedia untuk hidup di dalam kelompok mereka. Jadi, untuk membentuk dan menyemai sikap perpaduan antara etnik dalam diri anak-anak, ahli keluarga perlu memastikan anak-anak melalui proses sosialisasi etnik agar mereka tidak mempunyai masalah dalam memahami latar belakang etnik sendiri. Untuk berbuat sedemikian, ahli keluarga perlu menurunkan pemahaman dan pengetahuan latar belakang etnik, kepercayaan, tradisi, kepercayaan antara satu sama lain serta hubungan yang kuat terhadap etnik sendiri (Chua et al. 2013; Hughes et al. 2006). Selain itu, ahli keluarga bukan sahaja perlu mendedahkan tentang etnik sendiri, malahan juga tentang kewujudan etnik lain. Terutamanya, rakyat Malaysia yang mempunyai negara di mana rakyatnya berbilang kaum dan agama. Pendedahan tentang etnik lain kepada anak-anak akan memudahkan hubungan sosial dengan etnik lain dijalinan. Sekali gus, perkara ini akan mendorong kepada perpaduan yang kuat antara rakyat Malaysia. Namun, proses sosialisasi etnik yang dilakukan kepada anak-anak perlulah berunsurkan elemen positif. Elemen-elemen seperti stereotaip serta prejudis terhadap etnik lain perlu dijauhkan untuk mengelakkan masalah salah faham dan hubungan antara etnik.

Sehubungan itu, kajian telah dijalankan terhadap 125 mahasiswa Tahun 1, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertujuan untuk meneroka pengalaman sosialisasi etnik dalam keluarga mahasiswa, mengenal pasti elemen stereotaip dan prejudis dalam kalangan mahasiswa serta menganalisis hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain. Pengkaji berasa tertarik untuk melakukan kajian tinjauan ni untuk melihat sama ada mahasiswa Tahun 1, UKM yang baharu sahaja tamat sesi persekolahan sebagai pelajar Tingkatan Enam atau matrikulasi ini mempunyai masalah dalam hubungan sosial dengan etnik lain terutamanya ketika situasi sekarang di mana pandemik Covid-19 sedang melanda dunia yang telah memberikan halangan kepada mereka untuk berinteraksi dengan rakan sekelas mereka di kampus secara bersemuka.

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 *Kajian Lepas Tentang Sosialisasi Etnik***

Sosialisasi etnik merupakan proses yang kebiasaannya ibu bapa atau orang tua di dalam keluarga menurunkan dan memperkenalkan budaya mengenai etnik mereka kepada ahli keluarga yang muda (Hughes, et. al 2006). Pelbagai kajian yang telah dijalankan untuk melihat sejauhmana pentingnya proses sosialisasi etnik ini berlaku di dalam keluarga serta kesannya kepada masyarakat. Hal ini kerana, sosialisasi etnik adalah penting untuk pembentukan identiti etnik dalam diri individu serta membantu mereka menjalinan hubungan yang baik dengan masyarakat.

Salah satu kajian sosialisasi etnik adalah kajian oleh Lee Jiyeon et al. (2018) mengenai mengenai peranan sosialisasi etnik dan kesan penyesuaian diri di sekolah dalam golongan kanak-kanak dan remaja yang mempunyai darah kacukan (*The Role of Ethnic Socialization, Ethnic Identity and Self-Esteem: Implications for Bi-ethnic Adolescents' School Adjustment*). Pengkaji juga menyatakan tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk menghakis sesetengah pendapat bahawa etnik Korea Selatan lebih mementingkan budaya Korea sahaja apabila mempunyai anak yang berdarah kacukan. Kajian ini telah melibatkan seramai 296 responden

yang berumur 9 tahun hingga 18 tahun melalui borang soal selidik. Responden yang terlibat mempunyai ibu bapa yang mempunyai kewarganegaraan berbeza iaitu Vietnam dan Korea Selatan. Hasil kajian mendapati sosialisasi etnik seperti pengenalan terhadap bahasa dan budaya yang berbeza kepada anak-anak dapat membantu mereka dalam menyesuaikan diri di sekolah. Hal ini kerana pengkaji mendapati penerapan budaya dan bahasa etnik dengan jelas dan positif kepada anak-anak yang mono-etnik dapat meningkatkan keyakinan diri mereka apabila bergaul dengan rakan-rakan di sekolah.

Kajian lepas yang seterusnya merupakan kajian yang dijalankan oleh Jayashree Mohanty (2008) bertajuk '*Ethnic Socialization, Identity Development, And Psychological Adjustment In International Adoptees As Adolescent And Young Adults*'. Beliau telah menjalankan kajian untuk melihat pengaruh sosialisasi etnik dan ras terhadap pembentukan identiti etnik dalam diri anak angkat daripada negara-negara Asia serta kesejahteraan psikologi mereka. Sebanyak 100 anak angkat dari negara Asia yang berumur dalam lingkungan 14 hingga 26 tahun telah terlibat dengan kajian tinjauan secara atas talian. Hasil kajiannya mendapati bahawa sosialisasi etnik mempunyai hubungan yang positif dengan pembentukan identiti etnik dalam diri responden. Sosialisasi etnik yang baik akan membantu pemahaman yang jelas dan tinggi terhadap etnik mereka sekali gus membantu meningkatkan keyakinan diri responden. Kajian tersebut turut mendapati aktiviti sosialisasi budaya yang minimum akan menyebabkan perkembangan identiti etnik anak angkat ini akan terganggu.

Selain itu, Chin (2013) telah menjalankan kajian mengenai sosialisasi etnik dalam kalangan mahasiswa etnik Melayu dan Cina di Malaysia. Pengkaji telah mendapatkan responden daripada empat universiti awam dan kajian ini dilakukan secara kualitatif. Kira-kira 60 orang responden telah terlibat dengan kajian tersebut. Chin (2013) telah menemu bual responden dan membahagikan kepada dua perbincangan iaitu sosialisasi budaya dan sosialisasi persaingan. Hasil dapatan sosialisasi budaya, responden didapati telah mempelajari nilai, norma, budaya, kepercayaan dan tradisi etnik mereka daripada keluarga. Selain itu, pengkaji juga mendapati bahawa sosialisasi etnik dalam keluarga telah membentuk identiti etnik yang kuat dalam diri responden dan terdapat responden yang mempunyai pemikiran bahawa etnik mereka lebih baik daripada etnik yang lain kerana dipengaruhi oleh keluarga sendiri. Bagi bahagian sosialisasi persaingan pula, dapatan menunjukkan bahawa rakan sebaya telah membentuk persepsi mereka terhadap etnik yang lain. Kajian menunjukkan wujudnya elemen stereotaip dalam kalangan responden terhadap etnik lain. Selain itu, didapati bahawa pemikiran keluarga sama ada positif atau negatif turut mempunyai pengaruh yang kuat terhadap anak-anak. Oleh itu, ahli keluarga perlu berhati-hati dan matang dari segi pemikiran supaya tidak memberikan kesan negatif kepada anak-anak.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian lepas bagi sosialisasi etnik telah menunjukkan hubungan yang positif dalam membentuk identiti etnik dalam diri responden. Kajian-kajian ini turut dijadikan sebagai bahan rujukan oleh pengkaji dalam memahami sosialisasi etnik dengan mendalam serta untuk meneroka dan mengukur tahap sosialisasi etnik keluarga dalam diri mahasiswa Tahun 1, UKM.

## **2.2 Kajian Lepas Tentang Stereotaip dan Prejudis**

Stereotaip adalah satu kepercayaan yang dipegang dan kadang-kala direka oleh satu kumpulan kepada kumpulan yang lain. Kebiasaannya, stereotaip berlaku disebabkan oleh situasi yang sering berlaku atau pernah terjadi terhadap sesebuah kelompok terutamanya etnik (Nguyen 2016). Manakala, prejudis atau prasangka merupakan perasaan yang tidak suka dan kebiasaannya berunsurkan negatif terhadap kelompok lain kerana mempunyai ciri-ciri yang berbeza (Ma'rof Redzuan 2019). Prejudis terhadap etnik lain terutamanya di negara yang berbilang kaum bukanlah perkara biasa, namun jika tidak dikawal, ia akan mendorong kepada diskriminasi etnik dan akan berlakunya isu perkauman. Hal ini akan menyebabkan keamanan dan keharmonian hubungan antara etnik terjejas.

Sebuah kajian mengenai stereotaip dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia telah dilakukan oleh Nurliyana (2016). Kajian ini telah melibatkan sebanyak 482 responden yang terdiri daripada pelbagai negeri dan hanya tiga etnik majoriti sahaja yang terlibat iaitu etnik Melayu, Cina dan India. Responden juga telah dikenalpasti sebagai pengguna media sosial yang aktif. Hasil dapatan kajian telah mendapati nilai stereotaip dalam kalangan pengguna media sosial berada di tahap yang tinggi terutamanya terhadap pernyataan kehebatan etnik mereka sendiri berbanding etnik yang lain. Dapatan kajian seolah-olah menunjukkan responden mempunyai nilai etnosentrisme yang tinggi. Maka, Nurliyana (2016) sebagai pengkaji telah mencadangkan bahawa media sosial perlu dikawal dan mula diterapkan dengan isi kandungan yang terdiri daripada nilai-nilai perpaduan untuk menghakis nilai stereotaip dalam kalangan pengguna media sosial.

Seterusnya, kajian oleh Aminuddin et. al (2005) telah dijalankan untuk mengkaji elemen prejudis antara kaum di Malaysia terutamanya dalam kalangan wanita. Seramai 70 responden wanita dan 31 responden lelaki telah terlibat di dalam kajian ini. Responden juga terdiri daripada pelajar universiti-universiti awam serta pekerja di sektor awam dan swasta. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden wanita sememangnya mempunyai elemen prejudis atau prasangka yang tinggi terhadap kaum lain. Pengkaji berpendapat perkara ini berlaku kerana, wanita mempunyai sikap emosi yang tinggi dan sering membandingkan diri mereka dengan orang lain. Hal ini telah menyebabkan mereka mempunyai sikap suka bersaing yang tinggi.

Berdasarkan dua kajian lepas mengenai stereotaip dan prejudis, kedua-dua elemen masih berada di tahap yang tinggi terutamanya dalam kalangan rakyat Malaysia. Elemen stereotaip dan prejudis tidak dinafikan sukar dihapuskan kerana ia berlaku disebabkan insiden atau sejarah yang pernah berlaku terhadap sesebuah etnik. Namun, tahap yang tinggi terhadap dua elemen tersebut masih merisaukan pengkaji kerana ini menunjukkan bahawa sifat perpaduan antara etnik di Malaysia masih belum mencapai tahap yang baik.

## **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

### **3.1 Tata cara Pengumpulan Data**

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu kajian yang melibatkan kutipan data numerikal dan kemudian dianalisis dengan ujian statistik (Chua, 2014). Reka bentuk kajian ini pula merupakan kajian tinjauan yang merupakan kaedah yang bukan eksperimental untuk mendapatkan pandangan responden berkaitan tajuk yang dikaji. Manakala, kaedah pensampelan yang digunakan merupakan pensampelan bertujuan di mana pengkaji telah menetapkan ciri-ciri responden iaitu pelajar prasiswazah Tahun 1 yang sedang menuntut pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja. Data dikutip oleh pengkaji melalui GoogleForm yang telah diedarkan melalui aplikasi komunikasi Whatsapp. Seramai 125 orang daripada 7,039 pelajar Tahun 1, UKM yang berdaftar telah menjawab soal selidik yang diedarkan secara atas talian. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), responden yang diperlukan adalah sebanyak 364 orang, namun disebabkan situasi pandemik Covid-19 serta arahan Perintah Kawalan Pergerakan telah menyukarkan pengkaji untuk mendapatkan responden yang diperlukan. Bagi soal selidik pula, terdapat lima bahagian iaitu bahagian A yang merupakan profil demografi responden, bahagian B, C dan D merupakan soalan yang dirangka mengikut objektif kajian dan diukur melalui skala tiga Likert. Manakala, bahagian E pula merupakan soalan terbuka yang bertujuan untuk memperoleh pendapat responden.

### 3.2 Analisis Data

Setelah data telah dikutip, pengkaji telah menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS) untuk menganalisis data secara deskriptif. Bahagian A merupakan latar belakang demografi responden, maka data tersebut telah dianalisis dan diterjemahkan ke dalam bentuk jadual yang mengandungi bilangan dan peratusan. Kemudian, bahagian B, C dan D yang menggunakan skala Likert telah dianalisis dan diterjemahkan dengan nilai peratusan serta min di dalam jadual. Kemudian, min ketiga-tiga bahagian ini dinilai mengikut interpretasi julat min oleh Kamaruzaman (2019) yang telah diubahsuai mengikut kesesuaian kajian (rujuk Jadual 1). Akhir sekali, bahagian E pula pengkaji telah membahagikan jawapan mengikut kategori dan dianalisis secara deskriptif sahaja yang melibatkan bilangan dan peratusan.


JADUAL 1. Julat Min

| Skor Min       | Tahap                     |
|----------------|---------------------------|
| 1.0 hingga 1.8 | Sangat Rendah             |
| 1.9 hingga 2.6 | Rendah                    |
| 2.7 hingga 3.4 | Sederhana                 |
| 3.5 hingga 4.2 | Baik/Tinggi               |
| 4.3 hingga 5.0 | Sangat Baik/Sangat Tinggi |

### 3.3 Kawasan Kajian

Kajian ini telah dijalankan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang merupakan universiti berprestij tinggi dan mendapat kedudukan 141 di tangga dunia oleh *QS World University 2021 Ranking*. UKM turut mempunyai tiga buah cawangan yang lain iaitu di Bangi,

Cheras dan juga Kuala Lumpur. Universiti ini telah ditubuhkan pada tahun 1970 dengan hasrat rakyat yang mahukan sebuah institusi pengajian tinggi kebangsaan dan turut terkenal dengan keunikannya yang memartabatkan penggunaan bahasa Melayu serta dianggap sebagai perintis kepada sistem pendidikan kebangsaan negara ini. Meskipun penggunaan Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar ilmu, universiti ini bukan sahaja terdiri daripada penuntut etnik Melayu sahaja malahan juga etnik Cina, India, Orang Asli serta Sabah dan Sarawak. Sepanjang penubuhan UKM yang telah mencecah 50 tahun, universiti ini juga telah berjaya melahirkan graduan yang berkualiti hingga berjaya menjadi barisan menteri, pakar perubatan, ahli korporat dan sebagainya. Selain itu, UKM juga terkenal sebagai salah satu universiti penyelidikan terkemuka sehingga wujudnya stesen-stesen penyelidikan. Anugerah dan pengiktirafan yang diterima telah menunjukkan UKM merupakan salah satu universiti yang berprestij serta giat dalam menyumbangkan percambahan ilmu kepada pelbagai bidang.



RAJAH 1. Peta Universiti Kebangsaan Malaysia (Kampus Induk)

Sumber: Google Maps 2021

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

##### 4.1 Latar Belakang Responden

JADUAL 2: Demografi Jantina dan Etnik Responden

| Demografi | Profil    | Bilangan | Peratus (%) |
|-----------|-----------|----------|-------------|
| Jantina   | Lelaki    | 25       | 20.0        |
|           | Perempuan | 100      | 80.0        |
| Etnik     | Melayu    | 93       | 74.4        |
|           | Cina      | 19       | 15.2        |
|           | India     | 7        | 5.6         |

Jadual 2 menunjukkan profil demografi 125 orang responden yang telah terlibat di dalam kajian ini. Dari segi jantina, bilangan responden tertinggi ialah responden perempuan iaitu seramai 100 orang yang mewakili 80%. Manakala responden lelaki pula adalah seramai 25 orang (20%). Seterusnya, bagi kategori etnik, pengkaji telah membahagikan kepada empat kategori iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kajian ini mempunyai bilangan responden yang tinggi bagi etnik Melayu iaitu seramai 93 orang (74.4%), diikuti dengan etnik Cina seramai 19 orang bersamaan 15.2%. Responden etnik India pula adalah seramai tujuh orang yang mewakili 5.6%. Bagi etnik lain-lain, bilangan responden telah mencatatkan seramai enam orang atau 4.8% yang mewakili etnik Bugis, Bidayuh, Bajau, Dusun Lotud, Iban dan juga Brunei. Merujuk jadual di atas, responden etnik Melayu mempunyai bilangan yang lebih tinggi daripada etnik yang lain. Pengkaji berpendapat bahawa perkara ini berlaku kerana majoriti mahasiswa Tahun 1, UKM adalah terdiri daripada etnik Melayu.

## 4.2 *Pengalaman Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga*

### 4.2.1 *Pengalaman Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga (Mengenai Etnik Sendiri)*

Berdasarkan jadual 3 yang memaparkan pengalaman sosialisasi etnik mahasiswa mengenai etnik mereka sendiri, pernyataan yang mempunyai nilai min tertinggi ialah pernyataan '*Keluarga saya mengajar bahasa yang digunakan oleh etnik saya dari kecil*'. Min yang diperolehi pernyataan ini adalah 4.34 dan sebanyak 81.6% responden telah memilih setuju, manakala 14.4% adalah neutral dan hanya 4% sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hal ini menunjukkan, proses sosialisasi etnik dalam keluarga dari segi penguasaan bahasa etnik berada pada tahap yang baik. Penguasaan kuasa bahasa etnik sendiri yang diturunkan oleh ahli keluarga kepada anak-anak mereka turut menunjukkan penghayatan nilai etnik mereka yang tinggi dan perkara ini juga dapat disokong dengan pernyataan oleh Mukhtar Jalil dan Layli Hamida (2014) dalam kajiannya yang mengkaji sosialisasi bahasa terhadap salah satu komuniti di Indonesia. Mereka menyatakan bahawa ibu bapa hanya akan melakukan proses sosialisasi bahasa kepada anak-anak mereka sekiranya mereka menghargai dan merasakan bahawa bahasa etnik mereka perlu dipelihara secara turun-temurun.

Bagi pernyataan yang mempunyai nilai min terendah ialah pernyataan '*keluarga saya kurang mendedahkan tentang budaya dan tradisi etnik kami kepada saya*' iaitu 2.35. Seramai 62.4% responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini, 28% responden pula memilih neutral dan 9.6% responden pula bersetuju. Ini menunjukkan bahawa, keluarga responden telah mendedahkan budaya dan tradisi etnik kepada responden sekali gus menghasilkan pemahaman responden yang jelas mengenai etnik mereka sendiri.

JADUAL 3. Pengalaman Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga (Mengenai Etnik Sendiri)

| Pernyataan   | Peratusan (%) |         |        | Min (x) |
|--|---------------|---------|--------|---------|
|  | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |         |
| Keluarga saya mengajar bahasa yang digunakan oleh etnik saya dari kecil. | 4.0           | 14.4    | 81.6   | 4.34    |



|  |      |      |      |             |
|--|------|------|------|-------------|
| Saya masih mengamalkan budaya tradisi etnik saya.  | 9.6  | 35.2 | 55.2 | 3.53        |
| Saya memahami dengan jelas tentang budaya etnik saya daripada keluarga saya.                             | 20.0 | 29.6 | 50.4 | 3.41        |
| Keluarga saya masih kuat mengamalkan tradisi etnik kami.   | 15.2 | 44.8 | 40.0 | 3.32        |
| Saya mengetahui latar belakang sejarah etnik saya daripada keluarga.                                     | 22.4 | 29.6 | 48.0 | 3.30        |
| Keluarga saya hanya membeli bahan bacaan dalam bahasa etnik kami sahaja. (contoh: buku dan surat khabar) | 41.6 | 29.6 | 28.8 | 2.86        |
| Saya sentiasa membaca bahan ilmiah untuk memahami etnik saya dengan lebih mendalam.                      | 34.3 | 32.8 | 32.8 | 2.97        |
| Keluarga saya kurang mendedahkan budaya dan tradisi etnik kami kepada saya.                              | 62.4 | 28.0 | 9.6  | 2.35        |
| <b>Min Keseluruhan</b>   |      |      |      | <b>3.26</b> |

Jadi, berdasarkan jadual penentuan skor min, secara keseluruhannya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa dengan nilai min 3.26 bagi sosialisasi etnik dalam keluarga responden mengenai etnik mereka sendiri berada pada tahap yang baik.

#### 4.2.2 Pengalaman Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga (Mengenai Etnik Lain)

Berdasarkan jadual 4 yang memaparkan data pengalaman sosialisasi etnik responden mengenai etnik yang lain, pernyataan pertama iaitu '*Saya mengetahui tradisi etnik lain daripada keluarga saya.*' mempunyai nilai min yang tinggi iaitu 3.38. Sebanyak 51.2% responden telah bersetuju dengan pernyataan tersebut dan perkara ini menunjukkan bahawa ahli keluarga responden telah mendedahkan tentang kewujudan etnik lain kepada responden.

Seterusnya, bagi pernyataan "*Keluarga saya tidak mendedahkan tentang kepentingan hidup bersama etnik lain semasa saya kecil.*" telah memperoleh nilai min yang paling rendah dalam iaitu 2.19. Sebanyak 68.8% responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Hanya 9.6% responden sahaja yang bersetuju dan 21.6% memilih neutral. Ini membuktikan bahawa majoriti ahli keluarga responden menekankan kepentingan hubungan perpaduan antara etnik.

JADUAL 4. Pengalaman Sosialisasi Etnik Dalam Keluarga (Mengenai Etnik Lain)

| Pernyataan   | Peratusan (%) |         |        | Min (x) |
|--|---------------|---------|--------|---------|
|  | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |         |
| Saya mengetahui tradisi etnik lain daripada keluarga saya.               | 21.6          | 27.2    | 51.2   | 3.38    |
| Keluarga saya pernah membelikan pakaian tradisional etnik lain.          | 44.0          | 8.0     | 48.0   | 2.94    |
| Keluarga saya kerap membawa saya ke majlis sambutan perayaan etnik lain. | 36.8          | 35.2    | 28.0   | 2.84    |
| Saya fasih bercakap dalam bahasa etnik lain.                             | 54.4          | 25.6    | 20.0   | 2.49    |

|   |      |      |      |             |
|---|------|------|------|-------------|
| Saya kerap memakai pakaian tradisional etnik lain.  | 68.8 | 19.2 | 12.0 | 2.19        |
| Keluarga saya tidak mendedahkan tentang kepentingan hidup bersama etnik lain semasa saya kecil. | 68.8 | 21.6 | 9.6  | 2.19        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  |      |      |      | <b>2.94</b> |

Secara keseluruhannya, nilai min telah menunjukkan bahawa pengalaman dan tahap sosialisasi etnik keluarga responden mengenai etnik lain berada di tahap yang sederhana. Jika dibandingkan dengan tahap sosialisasi etnik oleh keluarga mengenai etnik sendiri dan etnik lain, sosialisasi mengenai etnik sendiri berada pada tahap yang lebih tinggi. Jadi, pengkaji berpendapat bahawa nilai etnosentrisme wujud dalam ahli keluarga responden kerana ahli keluarga responden masih menekankan kepentingan tradisi, budaya dan latar belakang etnik mereka sahaja.

### 4.3 Elemen Stereotaip Dan Prejudis Dalam Kalangan Mahasiswa

#### 4.3.1 Elemen Stereotaip Dalam Kalangan Mahasiswa

Jadual 5 telah memaparkan data bagi elemen stereotaip dalam kalangan mahasiswa. Bagi bahagian ini, pernyataan '*Saya berasa etnik lain lebih kaya daripada etnik saya*' mempunyai nilai min 2.70 iaitu nilai yang paling tinggi. Sebanyak 31.2% responden telah bersetuju dengan pernyataan ini dan 44.8% pula tidak bersetuju. Manakala, 24.0% pula memilih neutral.

Bagi nilai min terendah adalah pernyataan '*Saya berasa etnik yang berkulit cerah mempunyai harapan yang tinggi untuk berjaya*' dengan nilai min 2.24. Sebanyak 60.8% responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Namun, terdapat sesetengah responden iaitu 18.4% bersetuju dengan pernyataan ini.

JADUAL 5. Elemen Stereotaip Dalam Kalangan Mahasiswa

| Pernyataan  | Peratusan (%) |         |        | Min (x) |
|---|---------------|---------|--------|---------|
|   | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |         |
| Saya berasa etnik lain lebih kaya daripada etnik saya.  | 44.8          | 24.0    | 31.2   | 2.70    |
| Etnik yang lain mempunyai prestasi yang lebih baik apabila melakukan sesuatu kerja berbanding etnik saya. | 46.4          | 26.4    | 27.2   | 2.59    |
| Etnik lain lebih hebat dalam sukan berbanding etnik saya.   | 48.0          | 28.0    | 24.0   | 2.57    |
| Saya mendapati etnik lain lebih cemerlang dalam pendidikan berbanding etnik saya.                         | 48.8          | 30.4    | 20.8   | 2.54    |
| Saya berasa etnik yang berkulit cerah mempunyai harapan yang tinggi untuk berjaya.                        | 60.8          | 20.8    | 18.4   | 2.24    |

Min Keseluruhan

2.52

Secara keseluruhan, nilai min telah menunjukkan bahawa elemen stereotaip dalam kalangan responden atau mahasiswa Tahun 1, UKM berada di tahap yang rendah. Pengkaji mendapati elemen stereotaip yang rendah dalam kalangan responden merupakan sesuatu yang positif dan perkara yang harus dianggap sebagai khabar yang baik. Hal ini kerana, sebagai mahasiswa yang mempunyai kebolehan untuk berfikir secara terbuka dan kritis, mereka perlulah menolak sebarang perkara yang boleh mendatangkan anasir berbau perkauman. Ini disebabkan perpaduan adalah penting bagi keamanan sesebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum.

#### 4.3.2 Elemen Prejudis Dalam Kalangan Mahasiswa

Dapatan kajian mengenai kewujudan elemen prejudis dalam kalangan mahasiswa telah dipaparkan pada jadual 6 di bawah. Pernyataan '*Saya mendapati bahawa etnik lain terlalu berlebihan dalam meminta hak mereka.*' mempunyai nilai min paling tinggi iaitu 2.81 dengan mempunyai 32.8% bagi responden yang bersetuju.

Nilai min paling rendah iaitu 2.05 pula merupakan pernyataan '*Saya sedar bahawa keganasan cenderung dilakukan oleh etnik yang mempunyai kulit gelap.*'. Majoriti responden iaitu 70.4% tidak bersetuju dengan pernyataan ini.

JADUAL 6. Elemen Prejudis Dalam Kalangan Mahasiswa

| Pernyataan  | Peratusan (%) |         |        | Min (x)     |
|---|---------------|---------|--------|-------------|
|   | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |             |
| Saya mendapati bahawa etnik lain terlalu berlebihan dalam meminta hak mereka.               | 35.2          | 32.0    | 32.8   | 2.81        |
| Saya menyedari bahawa etnik lain kerap melakukan diskriminasi kepada etnik saya             | 44            | 28.8    | 27.2   | 2.64        |
| Saya berpendapat bahawa etnik kami merupakan etnik paling menyerlah daripada yang lain.     | 47.2          | 33.6    | 19.2   | 2.50        |
| Saya mendapati bahawa etnik saya lebih pembersih daripada etnik yang lain.                  | 54.4          | 29.6    | 16     | 2.41        |
| Saya mendapati bahawa etnik lain lebih kerap terlibat dengan jenayah berbanding etnik saya. | 61.6          | 30.4    | 8.0    | 2.24        |
| Saya sedar bahawa keganasan cenderung dilakukan oleh etnik yang mempunyai kulit gelap.      | 70.4          | 21.6    | 8.0    | 2.05        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  |               |         |        | <b>2.44</b> |

Secara keseluruhannya, nilai min bagi elemen prejudis berada di tahap yang rendah. Perkara ini juga menunjukkan bahawa mahasiswa Tahun 1, UKM masih wujud nilai perpaduan di dalam diri mereka dan tidak berprasangka buruk terhadap etnik lain. Sikap prejudis perlu

dihapuskan di dalam diri kerana jika tidak dikawal, ia mungkin akan mendorong kepada kewujudan sikap diskriminasi terhadap etnik lain (Samovar 2013; Halimatusa'diah 2017).

#### 4.4 Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain

##### 4.4.1 Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain (Dalam Kampus)

Hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain di dalam kampus telah dipaparkan di Jadual 7. Jadual tersebut telah menunjukkan 3.90 sebagai nilai min paling tinggi kepada pernyataan '*Saya bersedia untuk meminjamkan wang kepada rakan berlainan etnik.*'. Majoriti responden iaitu 75.2% bersetuju dengan pernyataan ini. Ini telah membuktikan bahawa, mahasiswa Tahun 1, UKM tidak memilih etnik untuk menghulurkan bantuan.

Kemudian, nilai min paling rendah iaitu 2.26 merupakan nilai kepada pernyataan '*Saya berasa tidak selesa untuk berkongsi makanan dengan etnik lain.*'. Sebanyak 68% responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini menunjukkan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dalam berkongsi dengan etnik lain. Terdapat 12% responden yang bersetuju dan pengkaji menyimpulkan bahawa kemungkinan responden yang memilih bersetuju, mempunyai fahaman budaya atau agama yang berbeza menyebabkan mereka mempunyai sebab tertentu untuk berasa tidak selesa bagi berkongsi makanan dengan etnik lain.

JADUAL 7. Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain (Dalam Kampus)

| Pernyataan  | Peratusan (%) |         |        | Min (x)     |
|---|---------------|---------|--------|-------------|
|   | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |             |
| Saya bersedia untuk meminjamkan wang kepada rakan berlainan etnik.  | 4.0           | 20.8    | 75.2   | 3.90        |
| Saya berasa gembira sekiranya rakan saya yang berlainan etnik mendapat keputusan lebih cemerlang daripada saya. | 6.4           | 27.2    | 66.4   | 3.76        |
| Saya mempunyai kawan rapat berlainan etnik lebih daripada lima orang.   | 31.2          | 21.6    | 47.2   | 3.24        |
| Saya selesa untuk berkongsi rahsia dengan rakan yang berlainan etnik.   | 27.2          | 27.2    | 45.6   | 3.24        |
| Saya lebih gemar melakukan tugas dengan rakan yang sama etnik.  | 28.8          | 38.4    | 32.8   | 3.03        |
| Saya hanya akan menyertai kelab yang terdapat di kampus sekiranya ia dianggotai oleh etnik saya sahaja.         | 66.4          | 14.4    | 19.2   | 2.35        |
| Saya berasa tidak selesa untuk berkongsi makanan dengan etnik lain.   | 68.0          | 20.0    | 12.0   | 2.26        |
| <b>Min Keseluruhan</b>  |               |         |        | <b>3.11</b> |

Secara keseluruhannya, nilai min telah menunjukkan bahawa hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain di dalam kampus berada di tahap yang baik iaitu 3.11. Hubungan sosial antara mahasiswa tanpa mengira latar belakang etnik, agama dan jantina perlu dipastikan di dalam keadaan yang baik terutamanya di kampus untuk mengelakkan isu diskriminasi atau perkauman

yang boleh merosakkan reputasi universiti terutamanya UKM yang merupakan salah satu institusi pengajian awam yang berprestij.

#### 4.4.2 Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain (Luar Kampus)

Jadual 8 di bawah telah menunjukkan nilai min paling tinggi iaitu 3.94 kepada pernyataan '*Saya selesa untuk berbual dengan etnik yang lain.*'. Majoriti responden iaitu 73.6% bersetuju dengan pernyataan ini. Perkara ini menunjukkan bahawa mahasiswa turut tidak mempunyai masalah untuk berinteraksi dengan masyarakat yang berlainan etnik di luar kampus. Sebanyak 64.8% juga bersetuju dengan pernyataan '*Saya berasa selamat tinggal di kawasan kejiranan yang mempunyai penduduk berbilang kaum.*'.

Bagi nilai min terendah pula merupakan pernyataan '*Saya memilih untuk menaiki pengangkutan awam yang dipandu oleh etnik saya sahaja*' dengan nilai 2.08. Sebanyak 72.8% iaitu majoriti responden tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan bahawa hubungan sosial mahasiswa di luar kampus masih berada dalam keadaan yang baik kerana wujudnya sikap tidak mendiskriminasi etnik lain dalam mendapatkan perkhidmatan.

JADUAL 8. Hubungan Sosial Mahasiswa Dengan Etnik Lain (Luar Kampus)

| Pernyataan   | Peratusan (%) |         |        | Min (x)     |
|--|---------------|---------|--------|-------------|
|  | Tidak Setuju  | Neutral | Setuju |             |
| Saya selesa untuk berbual dengan etnik yang lain.  | 4.0           | 22.4    | 73.6   | 3.94        |
| Saya berasa selamat tinggal di kawasan kejiranan yang mempunyai penduduk berbilang kaum.             | 5.6           | 29.6    | 64.8   | 3.76        |
| Saya tidak berasa ragu-ragu untuk berurusan dengan etnik lain dalam aktiviti harian.                 | 18.4          | 27.2    | 54.4   | 3.44        |
| Saya berasa kurang selesa apabila dikelilingi oleh kumpulan etnik lain.                              | 45.6          | 32.0    | 22.4   | 2.59        |
| Saya mengutamakan untuk membeli barangan daripada kedai yang pemiliknya merupakan etnik saya sahaja. | 50.4          | 29.6    | 20.0   | 2.57        |
| Saya memilih untuk menaiki pengangkutan awam yang dipandu oleh etnik saya sahaja.                    | 72.8          | 21.6    | 5.6    | 2.08        |
| <b>Min Keseluruhan</b>   |               |         |        | <b>3.06</b> |

Jadi, nilai min keseluruhan 3.06 telah menunjukkan bahawa mahasiswa Tahun 1, UKM mempunyai tahap hubungan sosial yang baik dengan etnik lain di luar kampus. Hubungan sosial mahasiswa antara etnik yang berlainan perlulah dikekalkan pada tahap yang baik kerana tanpa perpaduan, mustahil keharmonian sejagat dapat dicapai.

#### 4.5 Faktor Berlakunya Stereotaip Dan Prejudis Antara Etnik

Jadual 9 merupakan soalan terbuka di Bahagian E yang telah diajukan oleh pengkaji kepada responden untuk memperoleh pendapat mereka tentang faktor berlakunya atau wujudnya stereotaip dan prejudis antara etnik.

Antara faktor yang memperoleh peratusan yang tinggi ialah kurangnya pendedahan tentang etnik yang lain. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa kewujudan dua elemen itu didorong oleh semangat perpaduan yang lemah dalam diri individu. Seterusnya, didikan oleh keluarga juga merupakan faktor yang mendapat peratusan tertinggi daripada responden.

Seterusnya merupakan faktor yang mempunyai peratusan rendah iaitu kewujudan sistem pendidikan vernakular dan juga pengalaman sendiri di mana kedua-dua pernyataan ini mempunyai peratusan yang sama iaitu 1.5%. Pengkaji mendapati pernyataan pengalaman sendiri merupakan pernyataan yang unik namun menyedihkan. Hal ini kerana, pengkaji menyimpulkan bahawa responden pernah mengalami insiden yang berbaur perkauman atau diskriminasi dari kumpulan etnik lain. Hasilnya, responden mempunyai elemen stereotaip atau prejudis dalam diri kepada kumpulan tersebut.

JADUAL 9. Faktor Stereotaip dan Prejudis antara Etnik

| Faktor                                   | Bilangan | Peratusan (%) |
|--|----------|---------------|
| Kurang Pendedahan Tentang Etnik Lain     | 39       | 28.9          |
| Semangat Perpaduan Yang Lemah            | 35       | 25.9          |
| Didikan oleh Keluarga                    | 22       | 16.3          |
| Penyebaran Sentimen Kaum di Media Sosial | 17       | 12.6          |
| Perbezaan Ideologi Politik               | 11       | 8.1           |
| Tidak Menjawab Soalan                    | 4        | 3.0           |

Berdasarkan jawapan yang telah diutarakan oleh responden, kita boleh lihat pelbagai faktor yang mendorong kepada wujudnya elemen stereotaip dan prejudis di dalam diri. Perkara yang menarik perhatian pengkaji adalah kebanyakan faktor yang diutarakan juga telah melibatkan agen sosialisasi selain dari keluarga seperti rakan sebaya, pendidikan dan juga media massa. Maka, jelas bahawa masalah dalam perpaduan antara etnik bukan sahaja berakar umbi daripada keluarga, malahan juga faktor daripada agen sosialisasi yang lain.

## 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, kajian ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk meneroka pengalaman sosialisasi etnik keluarga mahasiswa, kemudian mengenal pasti kewujudan elemen stereotaip dan prejudis dalam kalangan mahasiswa serta menganalisis hubungan sosial

mahasiswa dengan etnik lain. Kajian telah mendapati bahawa pengalaman sosialisasi etnik mahasiswa Tahun 1, UKM berada di tahap yang sederhana. Bagi elemen stereotaip dan prejudis pula didapati berada di tahap yang rendah dalam kalangan mahasiswa dan perkara ini bagi pengkaji merupakan khabar yang baik kerana mahasiswa yang sudah mampu berfikir lebih matang perlu mengetahui elemen-elemen tersebut akan mengganggu keharmonian hubungan antara etnik. Manakala, hubungan sosial mahasiswa dengan etnik lain juga menunjukkan berada di tahap yang baik. Dari segi faktor pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa agen sosialisasi yang menjadi faktor kepada kewujudan stereotaip dan prejudis. Namun, dapatan kajian ini kebanyakannya dipengaruhi oleh pendapat dan pemikiran daripada etnik Melayu sahaja berikutan etnik ini mempunyai bilangan responden yang tinggi dan jauh berbeza dengan tiga etnik yang lain. Pengkaji berharap kajian ini dapat membantu dari segi pemahaman mengenai kepentingan sosialisasi etnik oleh keluarga serta keburukan elemen stereotaip dan prejudis. Selain itu, pengkaji juga dapat melihat sosialisasi etnik sememangnya tidak dinafikan sebagai proses yang penting untuk memastikan seseorang jelas terhadap identiti dirinya lebih-lebih lagi kepada identiti etnik sendiri. Jadi, agen-agen sosialisasi terutamanya keluarga perlu memainkan peranan dalam memastikan individu melalui proses sosialisasi yang baik untuk membentuk dirinya ke arah yang positif. Pengkaji juga berpendapat bahawa kajian mengenai sosialisasi etnik dan hubungan sosial antara etnik telah dijalankan secara meluas namun kajian skop ini harus diteruskan terutamanya kepada generasi baharu ini yang hanya lebih cenderung kepada penggunaan teknologi. Situasi di mana pandemik Covid-19 yang sedang melanda ini juga dapat kita lihat kekangan untuk berlakunya interaksi sosial antara masyarakat, justeru, kajian yang lebih terperinci perlu dikaji terhadap masalah ini.

## Rujukan

- Aminuddin Mohd Yusof et. al. (2005). Prasangka Antara Kaum di Kalangan Wanita: Perbezaannya dengan Lelaki. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 19, 13-24. <https://www.ukm.my/jhadhari/makalah/v2n12010/makalah-v2n1-n4.pdf> [20 Jun 2021].
- Chua Bee Seok et al. (2013). Parents' Ethnic Socialization Practices in Shaping Ethnic Identity and Self-esteem of Multi-Ethnic Children In Malaysia. *European Journal of Educational and Development Psychology*, 1(1), 1-9.
- Chua Yan Piaw. (2014). *Kaedah Penyelidikan*. Edisi Ketiga. Selangor: McGraw-Hill.
- Chin Yee Mun. (2013). Ethnic Socialization: A Case of Malaysian Malay and Chinese Public Universities Students Experiences. *International Journal of Social Science and Humanity*, 3(6), 582-585. <http://www.ijssh.org/papers/307-CH243.pdf> [20 Jun 2021]
- Ferrante, J. (2011). *Seeing Sociology: Socialization*. Amerika Syarikat: Northern Kentucky University.

- Halimatusa'diah. (2017). Dari Prasangka Hingga Diskriminasi: Menyoal Stigma Sesat Dan Kekerasan Terhadap Ahmadiyah Dalam Perspektif Komunikasi. *Jurnal Avant Garde*, 5(1), 15-34. <https://journal.budiluhur.ac.id/index.php/avantgarde/article/view/611> [20 Jun 2021].
- Hughes, D. et. al. (2006). Parents' Ethnic-Racial Socialization Practices: A Review of Research and Directions for Future Study. *Developmental Psychology*, 42, 747-770. [https://www.researchgate.net/publication/6835861\\_Parents'\\_Ethnic-Racial\\_Socialization\\_Practices\\_A\\_Review\\_of\\_Research\\_and\\_Directions\\_for\\_Future\\_Study](https://www.researchgate.net/publication/6835861_Parents'_Ethnic-Racial_Socialization_Practices_A_Review_of_Research_and_Directions_for_Future_Study) [20 Jun 2021].
- Jayashree Mohanty. (2008). Ethnic Socialization, Identity Development, And Psychological Adjustment in International Adoptees as Adolescent and Young Adults. Doctoral Dissertation. Pennsylvania: University of Pittsburgh. [https://www.researchgate.net/publication/237384514\\_ethnic\\_socialization\\_identity\\_development\\_and\\_psychological\\_adjustment\\_in\\_international\\_adoptees\\_as\\_adolescent\\_and\\_young\\_adults](https://www.researchgate.net/publication/237384514_ethnic_socialization_identity_development_and_psychological_adjustment_in_international_adoptees_as_adolescent_and_young_adults) [14 April 2021].
- Kamaruzzaman Moidunny. (2009). The Effectiveness of The National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL). Doctoral Dissertation. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Lee Ji Yeon et. al. (2018). The Role of Ethnic Socialization, Ethnic Identity and Self-Esteem: Implications for Bi-ethnic Adolescents' School Adjustment. *Journal of Child and Family Studies*, 27(3). [https://www.researchgate.net/publication/327357126\\_The\\_Role\\_of\\_Ethnic\\_Socialization\\_Ethnic\\_Identity\\_and\\_Self-Esteem\\_Implications\\_for\\_Bi-ethnic\\_Adolescents'\\_School\\_Adjustment](https://www.researchgate.net/publication/327357126_The_Role_of_Ethnic_Socialization_Ethnic_Identity_and_Self-Esteem_Implications_for_Bi-ethnic_Adolescents'_School_Adjustment) [14 April 2021].
- Ma'rof Redzuan. (2019). Prasangka dan Diskriminasi. Slaid. Selangor: Universiti Putra Malaysia. <https://slideplayer.info/slide/14280840/> [20 April 2021].
- M. Fadli. (2016). Peran Agen Sosialisasi Dalam Pembentukan Perilaku Remaja Di Desa Putik Kecamatan Palmatak Kabupaten Anambas. Tesis Sarjana, Universitas Maritim Raja Ali Haji Tanjungpinang. [http://jurnal.umrah.ac.id/wp-content/uploads/gravity\\_forms/1-ec61c9cb232a03a96d0947c6478e525e/2016/07/JURNAL-PDF.pdf](http://jurnal.umrah.ac.id/wp-content/uploads/gravity_forms/1-ec61c9cb232a03a96d0947c6478e525e/2016/07/JURNAL-PDF.pdf) [20 Jun 2021].
- M. Mukhtar Jalil & Layli Hamida. (2014). Language Socialization and Family Value in Maintaining Local Dialect: A Case of Tengger Community. *Anglicist*, 3(2), 67-73. <http://www.journal.unair.ac.id/download-fullpapers-anglicistaccaca828e2full.pdf> [15 Jun 2021].
- Nguyen Phuang Mai. (2015). *Potential Problems in Cross Cultural Communications. Stereotypes, Prejudices and Racism.* <https://www.amsterdamuas.com/binaries/content/assets/subsites/international-business-school-ibs/chapter-4-stereotypes-prejudices-racism.pdf?1446654473610> [21 Jun 2021].



- Nurliyana Kamilah Khairul Anuar, et. al. (2016). Ethnicity Stereotypes in Virtual World: A Study Between Malaysian New Media Users. *Journal of Education and Social Sciences*, 3(2), 106-110. <https://www.researchgate.net/publication/321124540> [21 Jun 2021]. [21 Jun 2021].
- Parke, R. D., & Buriel, R. (1998). *Socialization In The Family: Ethnic and Ecological Perspectives*. New York: Wiley.
- Samovar, L. A, Porter, R. E & McDaniel, E. R. (2013). *Communication Between Culture*. Amerika Syarikat: Wadsworth Cengage Learning.  
<http://course.sdu.edu.cn/Download/6a200514-34ca-4ab0-b25b-053cae8ea852.pdf> [20 Jun 2021].